

→ MUKA DUA

Borneo744 bangunkan usahawan muda Sarawak

Putrajaya: Bandar Usahawan Lautan Biru (BOET) di Bintawa, Kuching, Sarawak (Borneo744), bandar usahawan pertama di Malaysia untuk generasi muda di negeri itu akan mula beroperasi hujung tahun ini.

Majlis menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) bagi pembangunan bandar berkenaan antara Kementerian Kewangan dan Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (SEDC) disaksikan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak di Perdana Putra di sini, semalam.

Yang turut hadir ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali Hamsa.

MoU berkenaan ditandatangani

Pengarah Unit Strategi Nasional, Kementerian Kewangan, Dr Aminuddin Hassim dan Pengurus Besar SEDC, Soedirman Aini.

Guna gudang dibaik pulih

Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Dr Mohd Irwan Serigar Abdullah, berkata kerajaan memperuntukkan RM20 juta bagi projek Borneo744 yang akan menggunakan gudang yang dibaik pulih atas tanah seluas empat hektar.

Sementara itu, Kementerian Kewangan dalam satu kenyataan, berkata Borneo744 yang diumumkan Perdana Menteri pada April lalu adalah inisiatif bagi mengukuhkan dan melengkapkan lagi ekosistem keusahawanan kebangsaan melalui Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS).

**Fakta
nombor**

RM20 JUTA
peruntukan bagi
projek Borneo744

4 HEKTAR
Bandar Usahawan
Lautan Biru

[FOTO MOHD FADLI HAMZAH/BH]



Aminuddin (kiri) bertukar dokumen dengan Soedirman sambil disaksikan Najib, Ahmad Zahid, Ali dan Mohd Irwan Serigar (kanan) di Putrajaya, semalam.